Tajuk : Amal Semangat "Keluarga Dunia"

Surat Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 6 Ogos 2022

Muka Surat : 6



**lokal**




| KES BAHARU | JUMLAH KES | JUMLAH SEMBUH | VAKSINASI: JUMLAH DOS DITERIMA | VAKSINASI: LENGKAP DIVAKSIN 2 DOS |
|---|---|---|---|---|
| 1,918 | 4,575,809 | 4,510,643 | 71,272,417 (Dos harian: 4,551) | 27,296,403 (Dos harian: 3,293) |

JUMLAH KES KESELURUHAN DAN HARIAN MENGIKUT NEGERI (4 JULAI 2022)

| Perlis | Kedah | Pulau Pinang | Perak | Selangor | Kelantan | T'ganu | Pahang | Negeri Sembilan | Melaka | Johor | Sabah | Sarawak | Kuala Lumpur | Putrajaya | Labuan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | 48 | 77 | 153 | 482 | 20 | 20 | 27 | 103 | 44 | 89 | 119 | 25 | 662 | 38 | 6 |

**PERSIDANGAN MEJA BULAT ASIA-PASIFIK KE-35**

# Amal semangat 'keluarga dunia'

## *PM seru komuniti antarabangsa berganding bahu hadapi cabaran global, pascapandemik*

**Kuala Lumpur**

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyarankan komuniti antarabangsa supaya bekerjasama dengan mengamalkan semangat 'keluarga dunia' dalam menghadapi cabaran global terutama ketika pascapandemik.

Ismail Sabri berkata, pandemik Covid-19 mengajar bahawa cabaran global yang berlaku ketika ini tidak boleh diatasi secara bersendirian atau secara 'silo'.

Beliau berkata, ekonomi dan politik dunia kini berdepan situasi pascapandemik yang kompleks selain ada persaingan semakin sengit antara kuasa besar dunia.

"Di Eropah misalnya kita saksikan konflik yang memberi kesan dahsyat, bukan hanya kepada penduduk negara terbabit, tetapi tempiasnya dirasai di seluruh dunia.

"Berikutan itu penting sekali bagi komuniti antarabangsa melipatgandakan persediaan berdepan ketidaktentuan serta bekerjasama ke arah masa hadapan lebih aman, progresif, inklusif dan makmur," katanya ketika merasmikan Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik ke-35 menerusi rakaman video, semalam.

Mengambil contoh di Malaysia, Perdana Menteri berkata, semangat Keluarga Malaysia diamalkan ketika ini untuk menjalin kerjasama inklusif, mementingkan kebersamaan serta mengutamakan golongan yang paling memerlukan, ternyata dapat membuka ruang ke arah mencapai jalan penyelesaian yang lebih baik.

Beliau berkata, permasalahan global yang menjadi semakin kompleks dan sukar untuk ditangani seharusnya menjadi ingatan kepada penggubal dasar tentang pentingnya untuk menguruskan segera cabaran yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada generasi akan datang.

Menyentuh mengenai Asean, Ismail Sabri berkata, Asean sentiasa berpegang teguh dengan prinsip asasnya yang mengutamakan kepaksian Asean (*Asean Centrality*) dalam menghadapi cabaran lalu dan yang mendatang.

Menurut Perdana Menteri, prinsip asas Asean seperti saling bekerjasama dan menghormati kedaulatan negara serta semangat membimbing negara anggota ke arah keamanan dan kemakmuran serantau menjadi resipi kejayaan di rantau ini.

"Sehubungan itu, Asean muncul sebagai gagasan dihormati dan dipercayai bagi mekanisme pelbagai hala serantau. Namun begitu, kepaksian rantau ini terus diuji dengan tekanan dalaman dan luaran.

"Untuk itu Asean memerlukan kombinasi mekanisme berbentuk dua hala, pelbagai hala, bahkan minilateral dan kreativiti serta sokongan badan bukan kerajaan untuk berjaya," katanya.

Ismail Sabri berkata, persaingan kuasa besar tidak seharusnya memudaratkan, malah rantau Asean perlu sedia menghadapi dengan bijak dan libat urus secara proaktif dengan kuasa besar akan memberi manfaat kepada rantau ini.

"Keutuhan Asean akan memberi kesan positif kepada kita dan disebabkan itu, ia perlu terus kukuh dan produktif serta kekal menjadi paksi kepada libat urus serantau ke arah membentuk norma baharu di rantau ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kepentingan China di rantau ini tidak boleh dinafikan dan sejak 2009, negara itu kekal menjadi rakan dagang utama Asean.

"Pada 2020, Asean mengatasi Kesatuan Eropah sebagai rakan dagang utama China. Melihat kepada ekonomi dan kedudukan strategik China, Asean berharap dapat mengekalkan hubungan positif dan stabil dengan Beijing," katanya.

Dalam masa sama, menurut Perdana Menteri, Asean perlu terus memperkemas hubungan ekonomi dan diplomatik dengan Amerika Syarikat berdasarkan rasa saling hormat-menghormati dan semangat setiakawan yang tinggi.

"Amerika Syarikat, China dan Asia Tenggara perlu memastikan semangat yang mengikat hubungan dua hala dan pelbagai hala dipelihara serta diperkukuhkan berdasarkan kepada pematuhan undang-undang antarabangsa yang sudah lama wujud.

"Walaupun kita berdepan cabaran hebat, kita mesti terus cekal dan tabah serta sama-sama mencari jalan penyelesaian untuk menikmati masa depan lebih makmur, lestari dan saksama," katanya.

> "Semangat Keluarga Malaysia diamal ketika ini untuk menjalin kerjasama inklusif
> — Ismail Sabri

